

Jangan Terpedaya Dakyah Pembangkang Burukkan Kerajaan - D'Cruz
Bernama
18 April , 2012

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Rakyat diminta supaya tidak terpedaya dengan dakyah pembangkang yang sering menimbulkan pelbagai isu untuk memburuk-burukkan dasar dilaksanakan kerajaan.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz berkata apa yang dilaungkan pembangkang selama ini hanyalah untuk kepentingan peribadi dan politik sempit mereka.

"Rakyat terutama golongan muda perlu bijak berfikir dan membuat pertimbangan sewajarnya sebelum melakukan sesuatu perkara...mereka juga tidak harus mengambil risiko memilih pakatan pembangkang untuk memerintah negara ini.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah melakukan yang terbaik demi untuk kepentingan rakyat tanpa mengira kaum sejak dahulu lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Venezuela ketujuh di Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) di sini.

Minggu Venezuela yang berlangsung selama 16 hari sejak Isnin lepas memberi peluang kepada masyarakat mendalami kebudayaan negara itu menerusi nyanyian, tarian, lukisan dan kraf.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660132>